

PKR mahu kes saman terhadap Abdul Hadi diselesai secara baik
Astro Awani
25 February, 2014

KUALA LUMPUR: Pimpinan PKR akan mengambil langkah perlu agar kes saman bekas calon PKR kerusi Dewan Undangan Negeri Bukit Besi, Mohd Shamsul Mat Amin terhadap Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, dapat diselesaikan dengan baik dan penuh hikmah, demi kebaikan dan kesepakatan bersama.

Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil berkata pimpinan PKR sebelum ini telah mengambil pendirian bahawa kes saman itu tidak perlu diteruskan.

"Namun Mohd Shamsul telah bertegas bahawa beliau perlu membersihkan nama dan maruah beliau akibat dakwaan yang dibuat sewaktu PRU13," katanya dalam satu kenyataan media, Selasa.

Pada Ahad, Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu mengarahkan [Abdul Hadi membayar saman](#) berjumlah RM2 juta dalam penghakiman ingkar yang diperolehi oleh calon PKR bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Mohd Shamsul Mat Amin.

Abdul Hadi juga diarahkan membayar 5 peratus faedah dari writ yang difailkan sehingga penyelesaian penuh dan kos tindakan sebanyak RM1,500.

Mahkamah membuat keputusan itu selepas Abdul Hadi gagal untuk memfailkan writ bagi menangkis dakwaan Mohd Shamsul.

Kes ini turut mendapat perhatian calon Bebas yang akan bertanding dalam pilihan raya kecil DUN Kajang, [Datuk Zaid Ibrahim](#) yang menyifatkan ia petanda wujudnya perselisihan faham antara PAS dan PKR.

Zaid berkata sikap berdiam diri Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kes ini merupakan tanda dua parti itu berselisih faham.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source <http://www.astroawani.com/news/show/pkr-mahu-kes-saman-terhadap-abdul-hadi-diselesai-secara-baik-30790?cp>